

## Model Keluarga Sejahtera daripada Refleksi terhadap Surah Al-Waqiah dan Surah Ar-Rahman

### *Well-Being Family Model on the Reflection from the Surah Al-Waqiah and Surah Ar-Rahman*

JAMIAH MANAP

#### ABSTRAK

*Kadar perceraian dan disorganisasi keluarga yang tinggi menunjukkan keperluan segera kepada model yang syumul dan praktikal. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk membangunkan Model Keluarga Sejahtera berasaskan refleksi terhadap kehidupan penghuni syurga dalam Surah Al-Waqiah dan Surah Ar-Rahman bagi mengukuhkan lagi institusi keluarga. Metodologi penyelidikan kualitatif dengan pendekatan Grounded Theory digunakan dalam kajian ini. Ia melibatkan analisis dokumen terhadap tafsiran Surah Al-Waqiah dan Surah Ar-Rahman dalam Tafsir Al-Maraghiy, temuramah berstruktur terhadap 73 responden kursus Pembangunan Keluarga dan Wanita (SKPM2113) serta pengesahan model daripada 4 orang pakar. Hasilnya, Model Keluarga Sejahtera telah dibangunkan dengan enam dimensi utama, iaitu kebahagiaan, kualiti peribadi, komunikasi positif, kediaman sejahtera, serta keselamatan dan jaminan makanan. Kesemua pakar telah bersetuju dengan model yang dibangunkan. Manakala kajian deskriptif turut menyokong pandangan pakar. Impaknya, model ini boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada garis panduan untuk membina dan mengukuhkan kesejahteraan dan kelestarian keluarga.*

*Kata kunci:* Kesejahteraan keluarga; spiritualiti keluarga; kualiti keluarga; komunikasi keluarga; psikologi pendidikan Islam

#### ABSTRACT

*The high divorce rate and family disorganization indicate an immediate need for a comprehensive and practical model. Therefore, this study aims to develop the Family Well-Being Model based on reflection on the lives of inhabitants of paradise in Surah Al-Waqiah and Surah Ar-Rahman to strengthen the institution of the family. Qualitative research methodology with the Grounded Theory approach was employed in this study. It involved document analysis of the interpretations of Surah Al-Waqiah and Surah Ar-Rahman in Tafsir Al-Maraghiy, structured interviews with 73 respondents from the Family and Women Development course (SKPM2113), and model validation by four experts. As a result, the Family Well-Being Model has been developed with six main dimensions: happiness, personal quality, positive communication, peaceful residence, and food security and safety. All experts agreed with the developed model, and descriptive research also supports the experts' views. The impact is that this model can be used as part of the guidelines for building and strengthening the well-being and sustainability of the families.*

*Keywords:* Family well-being; family spirituality; family qualities; family communication; Islamic educational psychology

#### PENDAHULUAN

Keluarga sejahtera asas kecemerlangan watan. Keruntuhan keluarga membawa kepada keruntuhan institusi sosial dan pendidikan utama masyarakat. Ketidakfungsian keluarga meningkatkan risiko kemurungan dalam kalangan ahli keluarga (Ying Yee & Wan Sharazad 2017). Kehidupan di alam

syurga sangat dekat dengan masyarakat. Kewujudan syurga dan neraka diperakui oleh lima agama utama dunia (Farmanullah et al. 2023), iaitu Islam, Kristian (Habibie 2022), Hindu (Saraswati & Paramitha 2016) dan Budha (Santoso 2023). Bahkan, hampir semua agama di dunia mempercayai akan kewujudan syurga dan neraka walaupun kedua-duanya tidak dapat dilihat dan dibuktikan kewujudannya secara

imperikal. Syurga digambarkan sebagai kediaman yang indah, damai dan selesa (Al-Quran, As-Sajadah 32, 17). Sebaliknya, neraka digambarkan sebagai pusat tahanan yang dipenuhi dengan pelbagai jenis dan peringkat siksaan yang menggerikan (Al-Quran, An-Naba' 78, 24-26). Di dalam Al-Quran, manusia di syurga digambarkan hidup berkeluarga dan berpasang-pasangan (Al-Quran, An-Nisa' 4, 57). Keluarga yang mendiami syurga juga digambarkan sebagai sebuah keluarga yang sejahtera dan sempurna. Sehubungan itu, kajian ini meneroka konsep keluarga sejahtera daripada perspektif Al-Quran melalui dua surah utama yang paling banyak menceritakan tentang kehidupan di alam syurga, iaitu Surah Al-Waqiah dan Surah Ar-Rahman sebagai penanda aras yang ideal kepada kehidupan berkeluarga di dunia. Kajian ini penting untuk menjadi sebahagian daripada garis panduan kepada pengukuhan institusi keluarga bagi mendepani cabaran zaman.

### SOROTAN LITERATUR

Keluarga adalah sebuah organisasi dinamik yang sangat signifikan terhadap kesejahteraan manusia. Keluarga yang sejahtera menjadi tunggak kepada kesejahteraan negara. Begitu juga sebaliknya. Terdapat pelbagai definisi keluarga. Secara umumnya, keluarga terdiri daripada sekurang-kurangnya dua individu yang mempunyai hubungan sedarah atau mempunyai ikatan perkahwinan atau pengangkatan atau susuan yang diktiraf oleh agama, komuniti dan undang-undang. Keluarga bagi seorang individu boleh terdiri daripada suami, isteri, anak-anak, ibu bapa serta datuk dan nenek, atau adik beradik. Definisi keluarga turut merangkumi komitmen dan kebertanggungjawaban sesama ahli keluarga (Stewart 2007).

Kepincangan keluarga pada masakini begitu membimbangkan dengan peningkatan kes perceraian (Mansur & Mat Hussin 2023), pembunuhan ahli keluarga (Mokhtar et al. 2023), penderaan, pengabaian (Dahlan & Hamzah 2023) dan kecurangan (Utami, 2023). Situasi ini memberikan tekanan yang besar kepada anggota keluarga. Sehubungan itu, sebuah model yang syumul diperlukan untuk memperbaiki, memperkuuh dan memperindah institusi keluarga.

Al-Quran adalah mukjizat Allah yang kekal hingga ke hari kiamat (Pejabat Mufti Wilayah

Persekutuan 2023). Terdapat 114 Surah di dalam Al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril. Setiap ayat Al-Quran mempunyai asbabun nuzul, mesej dan kisah yang tersendiri. Terdapat dua surah yang paling banyak menyebut tentang kehidupan di alam syurga, iaitu surah Ar-Rahman dan surah Al-Waqiah. Surah Ar-Rahman merupakan surah ke 55 dalam Al-Quran. Surah ini diturunkan di Mekah dan mengandungi 78 Ayat. Surah Al-Waqiah, iaitu surah ke 56 di dalam Al-Quran juga diturunkan di Mekah dan mengandungi 96 ayat.

### METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pendekatan metodologi penyelidikan kualitatif. Pendekatan kualitatif yang terlibat adalah analisis tematik terhadap surah Al-Waqiah dan surah Ar-Rahman dalam kitab tafsir al-Maraghi. Analisis dibuat daripada tafsiran daripada satu ayat ke satu ayat yang lain. Setiap tafsiran tersebut kemudiannya dikodkan, disaring dan dipadukan dalam pengkodan terbuka, disatukan kepada 20 kategori dan 5 tema dalam pengkodan paksi dan akhirnya digabung jalin bagi membentuk Model Keluarga Sejahtera.

Draf model kemudiannya diberikan kepada pakar dalam bidang Bahasa Arab, Pendidikan, Psikologi Spiritual dan Kerja Sosial. Untuk dinilai khususnya jika terdapat sebarang salah tafsir serta kesalahan dalam analisis serta perbincangan yang dibuat. Secara umumnya, kesemua kandungan model ini telah disemak dan diterima oleh pakar. Pakar juga telah memberi cadangan penambahbaikan dan pembetulan telah dibuat berdasarkan saranan yang diberikan.

Model yang dibangunkan kemudiannya dibincangkan bersama pelajar prasiswazah bagi kursus Pembangunan Keluarga dan Wanita (SKPM 2113). Setelah itu, pelajar diminta memberi maklumbalas terhadap model tersebut melalui soalan temuramah berstruktur yang diedarkan melalui aplikasi Survey Heart. Sejumlah 73 pelajar terlibat dalam fasa ini. Kesemua pelajar bersetuju dengan model ini termasuk pelajar yang bukan beragama Islam.

Berikut adalah contoh respon yang diberikan oleh pelajar terhadap model ini melalui aplikasi Surveyheart (Rajah 1):

Berikut pula adalah rekod persetujuan daripada pakar terhadap model ini (Rajah 2):

7. Nyatakan sebarang refleksi anda terhadap topik komunikasi positif dalam keluarga:


Responses 73

Tabular View Print

S.No	Submitted time ^	Responses
73	19 Dec 2020 - 03:58PM	Komunikasi yang positif adalah sangat penting dalam memastikan keteguhan institusi kekeluargaan bagi agar dapat meneruskan dalam ruang lingkup keluarga.
72	9 Dec 2020 - 04:54PM	Untuk nak yang terbaik kita kena jadi baik dahulu
71	8 Dec 2020 - 11:33PM	Komunikasi positif antara ibu bapa dengan anak-anak adalah penting dalam menjaga hubungan erat sesama lain. Setiap ahli keluarga perlu berkomunikasi dengan baik dan jujur.
70	8 Dec 2020 - 09:32PM	Saya berpendapat bahawa komunikasi positif dalam keluarga amat penting untuk membina keluarga yang kesejahteraan kerana berkomunikasi dengan baik dan jujur.
69	8 Dec 2020 - 09:28PM	Saya berasa saya tidak mempunyai hormat yang mencukupi terhadap ibu bapa saya. Sikap saya berkommunikasi dengan ibu bapa saya tidak baik dan jujur.
68	8 Dec 2020 - 00:04AM	Pada pendapat saya, sebuah keluarga perlulah mengamalkan konsep komunikasi positif agar dapat membentuk keluarga yang harmoni dan sejahtera.
67	7 Dec 2020 - 05:49PM	Ianya adalah sangat bagus untuk memupuk kecintaan dan persefahaman dalam keluarga
66	7 Dec 2020 - 05:08PM	memberi impak untuk diaplakasikan pada keluarga sendiri
65	7 Dec 2020 - 03:55PM	Dalam topik komunikasi positif membincangkan tentang komunikasi yang digunakan oleh keluarga syurga. Keluarga syurga digambarkan sebagai suatu keluarga yang selalu bersama-sama dan selalu berkomunikasi dengan baik dan jujur.
64	7 Dec 2020 - 01:19PM	Komunikasi positif perlu diterapkan dalam setiap intitusi kekeluargaan agar keharmonian dapat dikenakan. Berdasarkan keluarga sendiri, I merasakan bahawa komunikasi positif dalam keluarga syurga ini sangat penting.
63	7 Dec 2020 - 01:18PM	Berkommunikasi sememangnya perkara yang perlu terutama didalam kekeluargaan kerana dengan komunikasi kita dapat memahami keinginan dan kebutuhan orang lain.
62	7 Dec 2020 - 01:18PM	Komunikasi positif mampu melahirkan keluarga yang harmoni. Di samping itu, dapat memberikan ketenangan kepada anak2 yang boleh merasa nyaman dan rileks.

RAJAH 1. Contoh Respon Pelajar Terhadap Model

#### 8. Adakah anda bersetuju dengan model ini?



RAJAH 2. Rekod Persetujuan Pakar Terhadap Model

#### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Model Keluarga Sejahtera mengandungi 6 elemen utama iaitu kebahagiaan, cinta, kualiti peribadi, komunikasi positif, kediaman sejahtera dan keselamatan serta jaminan makanan (Rajah 3).

#### DIMENSI PERTAMA KEHIDUPAN IDEAL KELUARGA SYURGA: KEBAHAGIAAN

Dimensi pertama model keluarga sejahtera adalah kebahagiaan. Keluarga syurga menikmati kehidupan yang sangat bahagia.

Antara petikan dalam tafsir Al-Maraghiy:


Golongan kanan adalah yang mengambil buku-buku catatan mereka dengan tangan kanan. Betapakah keadaan, sifat dan kebahagiaan mereka. Ertinya mereka berada dalam keadaan yang sangat baik dan sempurna. Tidak diragukan bahawa ini

merupakan pernyataan tentang kehebatan dan kebesaran pangkat mereka, di samping merupakan petunjuk bahawa mereka mencapai kebahagiaan yang tiada taranya.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 8 halaman 6789).

Maka (ia akan beroleh) rehat kesenangan, dan rahmat kesegaran, serta syurga kenikmatan... sekiranya orang mati itu tergolong dalam kumpulan orang didekatkan oleh Tuhan mereka ke hadrat-Nya dalam syurga-Nya. Kerana orang itu melaksanakan apa yang Allah perintahkan kepadanya dan meninggalkan apa yang Dia larang, maka jiwanya mendapat ketenteraman dan ketenangan dan rezeki yang luas di sisi Allah, dan di Dalam hadith al-Barra ibn Azib dinyatakan. Sesungguhnya para malaikat Rahmat berkata. Wahai nyawa yang baik dalam tubuh yang baik, kamu dulu memakmurkannya. Maka keluarlah kamu menuju ketenteraman dan rezeki serta Tuhan yang tidak murka.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 89 halaman 6821).



RAJAH 3. Model Keluarga Sejahtera

#### REFLEKSI DAN PRAKTIKALITI DIMENSI KEBAHAGIAAN DALAM KONTEKS KELUARGA SEMASA

Kebahagiaan dalam keluarga syurga adalah penanda aras yang sangat ideal. Dalam konteks keluarga semasa, dimensi paling utama yang perlu diwujudkan dalam keluarga adalah kebahagiaan dalam kehidupan berkeluarga. Setiap ahli keluarga sentiasa berasa tenang, puas dan gembira dalam menjalani kehidupan sehari-hari terutamanya apabila bersama ahli keluarga. Suami berasa tenang, tenteram dan gembira apabila berada di rumah. Isteri berasa seronok dan damai apabila bersama suami dan anak-anak. Anak-anak pula berasa Bahagia, gembira dan puas apabila bersama dengan ibu bapa dan adik beradiknya. Kegembiraan, ketenangan dan kepuasan ini juga turut dirasai dalam hubungan dengan keluarga luas.

#### DIMENSI KEDUA KEHIDUPAN IDEAL KELUARGA SYURGA: CINTA

Dimensi kehidupan keluarga syurga adalah cinta. Keluarga syurga digambarkan saling mencintai antara satu sama lain.

Antara petikan dalam Tafsir Al-Maraghiy:

Sesungguhnya kami telah menciptakan isteri-isteri mereka dengan ciptaan istimewa. Serta kami jadikan mereka sentiasa dera. Yang tetap mencintai jodohnya, serta yang sebaya umurnya bagi puak kanan. Sesungguhnya kami telah menyediakan

bidadari-bidadari dari kalangan gadis-gadis perawan yang dicintai oleh suami mereka, kerena mereka melayani suami mereka dengan baik.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, ar-Waqiah 56, 35-38 halaman 6797).

Mereka berada dalam kejernihan dan penghidupan yang luas. Di samping pergaulan yang baik. Dalam hati mereka tidak terdapat dendam maupun kebencian yang menyebabkan perpisahan.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 16 halaman 6793).

#### REFLEKSI DAN PRAKTIKALITI DIMENSI CINTA DALAM KONTEKS KELUARGA SEMASA

Cinta dalam konteks keluarga masakini adalah satu keperluan dalam mengukuhkan institusi keluarga. Cinta kepada Allah dan kerana Allah diterjemahkan melalui cinta di antara pasangan suami isteri, cinta di antara ibu bapa dengan anak, cinta sesama adik beradik dan cinta dengan ahli keluarga yang lain dalam keluarga luas dalam konteks yang tepat. Cinta menyatukan keluarga. Kewujudan cinta dalam keluarga umpama simen yang menyatukan binaan batu bata pada binaan rumah. Tanpa simen tersebut, binaan akan mudah runtuh walaupun hanya dikenakan daya tolakan yang sederhana kuat. Justeru, cinta dalam keluarga perlu sentiasa dipupuk dan diperkuuh dalam keluarga dari masa ke masa.

### DIMENSI KETIGA KEHIDUPAN IDEAL KELUARGA SYURGA: KUALITI PERIBADI

Dimensi ketiga keluarga syurga adalah kualiti peribadi yang unggul. Penghuni syurga digambarkan berfikiran jauh, berperibadi mulia dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah, adil dan bersegera melakukan kebaikan, berakhhlak mulia, setia, pengasih, memelihara maruah diri, mempunyai penampilan yang menarik, memberi layanan terbaik, sihat dan kuat, serta mempunyai kesedaran ketuhanan yang tinggi.

Antara petikan dalam Tafsir Al-Maraghiy perihal kualiti peribadi tersebut:

#### 1. Berfikiran jauh

Orang yang takut dan khuatir kepada Tuhan mereka dalam segala perbuatannya, disamping yakin bahawa Tuhan akan memberikan balasan atas perbuatan tersebut pada hari hisab dan pengadilan, iaitu hari ketika setiap jiwa mendapat balasan atas perbuatannya”.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Surah Ar-Rahman 55, 47 halaman 6774).

#### 2. Berperibadi mulia dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah

Orang yang mempunyai sifat mulia (al-Sabiqun) tersebut, itulah yang mendapat pangkat di sisi Tuhan mereka, dan mereka berada dalam syurga yang penuh kenikmatan”.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 11-11 halaman 6790).

#### 3. Adil dan bersegera melakukan kebaikan

Orang yang mendahului orang lain dalam menuju ketaatan-ketaatan mereka adalah orang yang bersegera menuju rahmat-Nya. Maka barangsiapa yang bersegera di dunia ini untuk melakukan kebaikan di akhirat kelak ia tergolong sebagai orang yang bersegera masuk ke negeri kehormatan (syurga). Orang yang segera menuju kepada naungan Allah adalah orang yang apabila diberikan hak, mereka akan menerimanya, dan apabila diminta memberikan hak, mereka memberi keputusan kepada orang lain seperti memberi keputusan untuk dirinya sendiri”

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Surah Al-Waqiah 55, 10 halaman 6790).

#### 4. Berakhhlak mulia

Dalam syurga itu terdapat bidadari-bidadari yang berakhhlak baik dan berwajah cantik, Al-Raziy berpendapat, dalam batin mereka terdapat kebaikan, sedangkan pada zahir mereka pula terdapat kecantikan. (Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 70), halaman 6782).

#### 5. Setia

Bidadari-bidadari yang baik lagi cantik itu bermata lebar dan putih yang jernih disekeliling kehitamannya. Mereka dipelihara dalam rumah-rumah pengantin. Jadi mereka bukanlah seperti wanita-wanita yang berjalan-jalan di jalanan. Orang Arab memuji wanita yang sentiasa tinggal di rumah sebagai bukti bahawa mereka sangat memelihara kehormatannya.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 72 halaman 6782).

#### 6. Pengasih

Sesungguhnya kami telah menciptakan isteri-isteri mereka dengan ciptaan istimewa. Serta kami jadikan mereka sentiasa dera. Yang tetap mencintai jodohnya, serta yang sebaya umurnya bagi puak kanan. Sesungguhnya kami telah menyediakan bidadari-bidadari dari kalangan gadis-gadis perawan yang dicintai oleh suami mereka, kerena mereka melayani suami mereka dengan baik.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, ar-Waqiah 56, 35-38 halaman 6797).

#### 7. Memelihara maruah diri

(Bidadari-bidadari ini) tidak pernah disentuh sebelum mereka manusia ataupun jin.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 74 halaman 6782).

Dan (mereka dilayani) bidadari-bidadari yang cantik parasnya. Seperti mutiara yang tersimpan dengan sebaik-baiknya.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 22-23 halaman 6794).

#### 8. Mempunyai Penampilan Yang Menarik

Bidadari-bidadari itu jernih bagaikan permata dan putih bagaikan mutiara kecil. Bidadari-bidadari ini sejernih permata dan seputih mutiara.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 58 halaman 6777).

#### 9. Memberi layanan terbaik

Dan (mereka dilayani) bidadari-bidadari yang cantik parasnya. Mereka berseronok dengan isteri yang putih melepak yang pada wajahnya nampak kesegaran yang nikmat.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 22 halaman 6794).

## 10. Sihat dan kuat

Mereka dilayani oleh anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya) yang sentiasa beredar di sekitar mereka. Mereka dikelilingi hamba-hamba dan pelayan-pelayan yang sama sifatnya. Iaitu tidak mengalami ketuaan dan perubahan.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 17 halaman 6793).

## 11. Kesedaran ketuhanan yang tinggi

Dan orang yang takut akan keadaan dirinya di mahkamah Tuhan (untuk dihitung amalnya), disediakan baginya dua syurga... lalu ditinggalkan kemaksiatan tersebut kerana takut kepada hukuman dan hisab-Nya yang berat. Kemudian dia melakukan kebaikan dan suka berbakti kepada orang lain. Orang seperti ini akan meperolehi dua syurga, iaitu syurga rohani yang akan menegantarkannya ke sisi Allah Yang Maha Suci dan Kerajaan-Nya yang indah serta keredaan-Nya.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 46 halaman 6774).

### REFLEKSI DAN PRAKTIKALITI DIMENSI KUALITI PERIBADI DALAM KONTEKS KELUARGA SEMASA

Keluarga syurga mempunyai kualiti peribadi yang sangat cemerlang. Dalam konteks keluarga semasa, kualiti peribadi tersebut tidak mampu menyamai kualiti peribadi keluarga syurga. Namun, secara umumnya, atribut tersebut boleh dijadikan sebagai panduan dalam membentuk atribut personaliti dan keperibadian keluarga semasa. Secara praktikalnya, keluarga semasa boleh mengamalkan praktis berikut:

1. Sentiasa bertaqwah dan mendekatkan diri kepada Allah
2. Meningkatkan keimanan kepada Allah
3. Memperbaiki akhlak
4. Bersikap penyayang dan mempamerkan kasih sayang tersebut kepada ahli keluarga
5. Berlumba-lumba untuk berbuat kebaikan diantara sesama ahli keluarga
6. Prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan ahli keluarga
7. Melaksanakan peranan dan tanggungjawab dengan cara yang terbaik
8. Melayan setiap ahli keluarga dengan baik dan mesra

9. Tidak bersikap curang atau mengkhianati keluarga
10. Berbakti kepada ahli keluarga
11. Memelihara maruah diri dan menjaga nama baik keluarga
12. Menjaga penampilan diri di rumah/ketika bersama ahli keluarga
13. Meningkatkan tahap kesihatan dan kecerdasan diri

Kualiti peribadi yang rendah menggugat kesejahteraan keluarga. Contohnya, ahli keluarga yang jauh daripada Allah cenderung untuk bersifat hipokrit, tidak mempunyai kawalan dalaman (locus of control) yang tinggi, mudah berputus asa dan mudah terjebak dengan maksiat dan kesalahan jenayah. Ahli keluarga yang tidak memelihara maruah diri akan mudah terjebak dengan pergaulan bebas, seks luar nikah, LGBT, pembuangan bayi dan pembunuhan bayi. Ahli keluarga yang suka menyebarkan kebencian pula akan meningkatkan risiko pergaduhan, penderaan dan jenayah.

Proses pemilihan pasangan turut sewajarnya meletakkan kualiti peribadi sebagai teras. Oleh itu, proses pemilihan pasangan perlu dibuat dengan sangat berhati-hati. Cinta sahaja tidak cukup untuk membangun keluarga sejahtera. Tanpa kualiti peribadi, keluarga akan turut hancur bersama pudarnya rasa cinta pada diri pasangan. Justeru, wanita terutamanya, perlu bersikap rasional dan berhati-hati dalam pemilihan pasangan. Ikatan perkahwinan adalah komitmen dan amanah yang perlu dipikul untuk sepanjang hayat.

Hubungan kekeluargaan yang terjalin daripada hubungan darah seperti ibu dan anak serta hubungan adik-beradik adalah anugerah daripada Allah. Manusia boleh memilih pasangan, sahabat dan kerjayanya, namun manusia tidak boleh memilih atau mengubah ibu bapa, anak-anak, adik beradik dan hubungan silaturahim yang terjalin. Disini letaknya kepentingan untuk membina dan memantapkan kualiti peribadi setiap ahli keluarga untuk menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan bermakna.

Kualiti peribadi ahli syurga sewajarnya dicontohi oleh keluarga masakini dalam kerangka pembinaan keluarga sejahtera. Ibu bapa menunjukkan suri teladan kualiti peribadi yang baik kepada anak-anak. Dalam masa yang sama, ibu bapa sentiasa berusaha memperbaiki dan meningkatkan kualiti peribadi diri sendiri di samping membimbing anak-anak untuk


melakukan perkara yang sama. Hal ini termasuk juga dalam pemilihan pasangan dan keluarga mertua bagi ahli keluarga yang bakal berkahwin. Dengan cara ini, kualiti peribadi yang tinggi ini akhirnya menjadi imej dan amalan setiap ahli keluarga dan akhirnya diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang lain.

Selain ahli keluarga, pemilihan pembantu rumah, kejiranan, komuniti bersemuka, komuniti maya dan organisasi bekerja turut dibuat dengan teliti. Hubungan sosial yang membina turut menyumbang

kepada kesejahteraan keluarga khususnya dalam jangka masa panjang.

#### DIMENSI KEEMPAT KEHIDUPAN IDEAL KELUARGA SYURGA: KEBAHAGIAAN

Kehidupan dalam keluarga syurga dilingkungi oleh komunikasi yang positif. Ia merangkumi aspek komunikasi bersemuka, bahasa yang baik, sapaan mesra, dan sumber deria positif (Rajah 4).



RAJAH 4. Komunikasi Positif dalam Keluarga

Antara petikan dalam Tafsir Al-Maraghiy:

#### 1. Komunikasi Bersemuka yang Santai dan Mesra

Sambil berbaring di atasnya dengan berhadap-hadapan. Sambil bersemayam di atas katil-katil itu, segolongan daripada mereka memandang kepada wajah sebahagian yang lain.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 16 halaman 6793).

#### 2. Bahasa Yang Baik (Al-Waqiah: 25)

Mereka tidak akan mendengar di dalam syurga itu perkataan yang sia-sia dan tiada pula sesuatu yang menyebabkan dosa. Mereka tidak mendengar perkataan yang sia-sia yang tiada mengandungi kebaikan dan tidak pula perkataan kotor mahupun perkataan yang dirasakan menjijikkan oleh jiwa yang tinggi, yang mempunyai akhlak yang luhur.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 65, 25 halaman 6795).

#### 3. Sapaan Mesra

Mereka hanya mendengar ucapan: "Selamat! Selamat! (dari satu kepada yang lain)... Akan tetapi mereka mendengar ucapan salam yang paling baik dan perkataan tinggi yang dirasakan baik... Dan ucapan penghormatan mereka padanya ialah: salam (selamat sejahtera).

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 26 halaman 6795).

#### 4. Persekutuan Pendengaran Positif

Maka (akan dikatakan kepadanya): "Selamat sejahtera kepadamu, (kerana engkau) dari puak kanan... Jika orang yang

mati itu tergolong dalam golongan yang kanan, maka dia diberi khabar gembira oleh para malaikat, dan mereka akan berkata kepadanya: "Salam Sejahtera untukmu dan kawan-kawanmu, golongan kanan"

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 90-91 halaman 6820).

#### APLIKASI DIMENSI KEEMPAT (KOMUNIKASI POSITIF) DALAM KEHIDUPAN BERKELUARGA

Berdasarkan tiga kriteria di atas, keluarga syurga digambarkan mengamalkan komunikasi yang positif dan membina. Mereka sentiasa mengucapkan perkataan yang baik dan berinteraksi di antara satu sama lain dengan harmoni. Hal yang sebaliknya berlaku dalam kalangan penghuni neraka. Mereka banyak mengeluh, mencaci dan menyalahkan di antara sama lain. Dalam konteks keluarga semasa, sebuah keluarga yang sejahtera memerlukan situasi komunikasi yang positif, santai dan mesra. Sebaliknya, komunikasi yang negatif seperti menuduh, merendahkan, menghina, mengugut, memarahi dan mencela akan menggugat kesejahteraan keluarga.

Dalam masa yang sama, keluarga yang sejahtera juga sentiasa berkomunikasi dan menunjukkan keprihatinan terhadap ahli keluarga yang lain. Hal ini bertentangan dengan sebilangan keluarga masakini yang jarang berinteraksi di antara satu sama lain secara bersemuka dengan mesra. Contohnya, apabila berkumpul bersama keluarga, sebahagiannya memilih untuk berkomunikasi dengan orang lain melalui peranti digital berbanding berbual santai dengan ahli keluarga. Terdapat juga pasangan suami isteri yang enggan bercakap di antara satu sama lain sehingga membawa kepada konflik yang berakhir dengan perceraian. Sebaliknya, terdapat juga pasangan yang banyak berkomunikasi namun komunikasi tersebut sentiasa diliputi dengan kemarahan, kekasaran dan penghinaan. Situasi ini juga amat berbahaya dan menjadi punca utama berlakunya disorganisasi dalam keluarga.

Komunikasi yang positif menjadi tunjang kesejahteraan keluarga. Ia membentuk iklim keluarga yang sejahtera. Suami berasa tenang apabila berkomunikasi dengan isteri. Isteri juga berasa tenang apabila berkomunikasi dengan suami. Anak-anak juga bebas berkomunikasi dengan tenang bersama ibu bapa. Hasilnya, keluarga sejahtera

sentiasa berasa seronok, selesa dan gembira untuk berkomunikasi di antara satu sama lain. Dengan cara itu, keluarga menjadi lebih utuh dan harmoni.

#### DIMENSI KELIMA KEHIDUPAN IDEAL KELUARGA SYURGA: KEDIAMAN SEJAHTERA

Dimensi kelima keluarga sejahtera adalah kediaman sejahtera. Surah Ar-Rahman memperihalkan empat jenis syurga yang disediakan untuk orang-orang yang beriman. Setiap syurga mempunyai keistimewaan tersendiri.

Dan selain daripada dua syurga ini, dua syurga lagi untuk menjadi balasan bagi golongan peringkat kedua (Al-Quran, Ar-Rahman 55, 62).

Kediaman di syurga digambarkan mempunyai ciri-ciri yang eksklusif. Berikut merupakan petikan daripada Tafsir Al-Maraghiy:

##### 1. Dipenuhi dengan pelbagai nikmat

(Tinggal menetap) di dalam syurga-syurga yang penuh nikmat... mereka berada dalam syurga yang penuh kenikmatan, di mana mereka menikmati kenikmatan-kenikmatan yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga, dan tidak pernah terlintas dalam hati seorang manusia pun.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 12 halaman 6790).

##### 2. Teduh

Dan naungan yang tetap terbentang... terdapat juga naungan rendang yang melindungi mereka dari sengatan panas dan deraan matahari.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 30 halaman 6797).

##### 3. Mempunyai persekitaran yang selamat.

Berada bersenang-senang di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri... Mereka menikmati syurga-syurga yang di dalamnya terdapat pohon bidara yang tidak berduri lagi. Tidak seperti pohon bidara liar di dunia.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 28 halaman 6796).

Mereka tidak merasa pening kepala dan tidak pula mabuk dengan sebab menikmatinya. Pelayan-pelayan itu berada

disekitar mereka dengan alat minum yang sempurna, yang terdiri dari gelas-gelas dan kendi-kendi, serta khamr yang mengalir dari sumber-sumbernya dan tidak perlu diperah lagi. Jadi khamar itu adalah khamr yang jernih, bersih dan tidak terputus buat selama-lamnya. Mereka boleh memintanya sekehendak mereka dan tidak akan pening apabila meminumnya. Tidak pula menghilangkan akal seperti halnya terjadi apabila meminum khamar di dunia.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 19 halaman 6793).

#### 4. Kediaman bertaraf kekal

(Tinggal menetap) di dalam syurga-syurga yang penuh nikmat.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 12 halaman 6790).

#### 5. Mempunyai pembantu yang baik

Mereka dilayani oleh anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya) yang sentiasa beredar di sekeliling mereka... Mereka sentiasa berada dalam sifat menggembirakan kepada yang dilayani apabila melihat kepada pelayannya.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 17 halaman 6793).

#### 6. Dilengkapi dengan pelbagai kemudahan.

Kediaman di syurga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti:

##### 1. Tempat tidur yang selesa

Dan tempat-tempat tidur yang tertinggi keadaannya. Mereka duduk di atas hamparan-hamparan empuk yang tersusun tinggi yang tidak memenatkan orang yang duduk di atasnya.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 34 halaman 6797).

##### 2. Takhta kebesaran berhias permata

Mereka duduk di dalam syurga itu) di atas takhta-takhta kebesaran yang bertatahkan permata... Di atas katil-katil yang bertatahkan emas, berjalin dengan mutiara dan permata. (Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 15 halaman 6792).

##### 3. Hamparan sutera

Mereka (bersenang-senang di tempat masing-masing di dalam syurga itu dengan) berteleku di atas hamparan-hamparan, yang lapisan-lapisan sebelah dalamnya daripada sutera tebal yang bersulam. Mereka berbaring di atas permaidani-permaidani yang sebelah dalamnya dibuat daripada sutera tebal. Apabila

sebelah dalamnya sudah sedemikian rupa, maka bagaimana pendapatmu tentang sebelah luarnya?

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 54 halaman 6775).

#### 4. Bantal, cedar dan permaidani indah.

Penduduk syurga itu (bersenang-senang di dalamnya dengan) berbaring di atas (bantal-bantal dan) cedar-cedar yang hijau warnanya serta permaidani-permaidani yang sangat indah.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 76 halaman 6782).

#### 5. Piala minuman, teko dan gelas

Dengan membawa piala-piala minuman dan teko-teko serta piala atau gelas yang berisi arak (yang diambil) dari sungainya yang mengalir.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 18 halaman 6793).

#### 6. Air yang sentiasa mengalir dan mudah didapati

Dan air yang sentiasa mengalir... Dan terdapat juga air tcurah yang penghuni syurga tidak perlu bersusah-payah memperolehinya.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 31 halaman 6797).

#### 7. Lanskap hijau yang juga berfungsi sebagai sumber makanan

##### a. Berbagai jenis pokok dan buah-buahan

(Dua syurga) yang ada berjenis-jenis pohon dan buah-buahan. Kedua-dua syurga itu mempunyai bermacam-macam pepohonan dan buah-buahan. Orang yang semasa di dunianya bertaqwa kepada Allah swt di dalam syurga nanti ia berpindah-pindah dari satu buah-buahan kepada buah-buahan yang lain... merasakan semakin lazat dan bersyahwat kepada makanan.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 49 halaman 6774).

##### b. Pohon pisang yang tersusun rapi

Dan pokok-pokok pisang yang tersusun rapi buahnya. Di sana nanti terdapat juga pohon pisang yang penuh dengan buah sehingga tampaknya tidak mempunyai batang.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 29 halaman 6797).

c. Tanaman menghijau subur

...yang ditumbuhi oleh tumbuh-bumbuhan dan bunga-bungaan harum yang hijau kehitam-hitaman warnanya lantaran mengandung banyak air. Adapun kedua-dua syurga yang terdahulu, di sana terdapat pohon-pohon dan buah-buahan.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 64 halaman 6780).

d. Pohon buah-buahan, pohon kurma dan delima

Pada kedua-duanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon tamar dan delima... Tamardan delima di sini disebut secara khusus sekalipun sudah termasuk buah-buahan, sebagai keistimewaan yang dimiliki oleh kedua-dua buah tersebut yang tidak dimiliki oleh jenis buahan lainnya. Ini disebabkan tamar dan delima terdapat pada musim panas mahupun pada musim dingin. Sebab kedua-duanya merupakan buah-buahan dan juga lauk pauk.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 68 halaman 6780).

8. Sumber air yang bersih

a. Dua mata air yang mengalirkan air

Pada kedua-dua syurga itu, terdapat dua mata air yang mengalir ke mana-mana, mengairi pohon-pohonan dan daun-daunan

tersebut. Salah satunya disebut tasnim, sedangkan yang lainnya disebut salsabil. Kedua-dua sungai itu mengalir ke tempat yang dikehendaki oleh pemiliknya sekalipun tempatnya tinggi, sebagaimana air dapat naik ke pohon-pohon pada setiap dahannya, sekalipun semakin tinggi pohon itu.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 50 halaman 6775).


b. Dua mata air yang terus menerus memancutkan air

Dalam kedua-dua syurga itu terdapat dua mata air yang terus-menerus memancutkan airnya. Al-Nadhu erti sama seperti rashshu (memancar). Jadi darjatnya lebih rendah dari al-jara (mengalir). Kedua-duanya memancarkan kebaikan dan keberkatan.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 66 halaman 6781).

### REFLEKSI DAN PRAKTIKALITI DIMENSI KEDIAMAN SEJAHTERA DALAM KONTEKS KELUARGA SEMASA

Kediaman sejahtera merupakan elemen ke-5 dalam Model Keluarga Sejahtera. Kediaman sejahtera dalam konteks keluarga semasa mempunyai ciri-ciri berikut, iaitu selamat, pemilikan kekal, mempunyai fasiliti yang lengkap, mempunyai landskap hijau dan mempunyai sumber air yang bersih (Rajah 5).



RAJAH 5. Kediaman Sejahtera

Selamat

Keselamatan dalam konteks ini terbahagi kepada dua, iaitu keselamatan di dalam rumah (domestik) dan keselamatan persekitaran rumah. Keselamatan di dalam kawasan rumah merangkumi ketiadaan unsur-unsur berbahaya yang boleh mengancam keselamatan ahli keluarga. Antaranya:

- a. selamat untuk bayi dan kanak-kanak (baby proof). Sekiranya keluarga mempunyai anak kecil, ia tidak dapat mencapai barang yang tajam, beracun, panas atau mencederakan anak kecil tersebut.
- b. sentiasa bersih dan kemas supaya vektor berbahaya segera dapat dikesan.
- c. bebas daripada minuman atau bahan yang memabukkan seperti arak, dadah dan todi.
- d. bebas daripada unsur pornografi, gangguan seksual dan penderaan
- e. dilengkapi dengan alatan serta perkhidmatan kawalan keselamatan seperti kunci, pagar dan pengawal keselamatan
- f. struktur binaan yang kuat. Rumah yang mempunyai struktur binaan yang lemah akan mudah runtuh dan mencederakan ahli keluarga.

Keselamatan di kawasan persekitaran rumah juga penting. Ia perlu bebas daripada unsur-unsur yang membahayakan ahli keluarga. Antaranya:

1. kejiranian yang selamat. Bebas daripada pengaruh dadah, jenayah (kadar jenayah yang rendah) dan anggota masyarakat yang bermasalah.
2. kemudahan lif yang selamat bagi penghuni rumah berstrata
3. tiada pohon yang beracun, berduri atau berisiko untuk tumbang dan menimpa kediaman kecuali sentiasa dipantau dengan ketat
4. struktur tanah yang kuat. Rumah tidak dibina di atas kawasan bekas lombong, bekas kawasan pelupusan sampah, kawasan aliran air, di tebing sungai, di tepi pantai atau di kawasan lereng bukit. Struktur tanah yang lemah boleh meningkatkan risiko tanah runtuh, mendapan dan hakisan. Akibatnya, rumah akan mudah runtuh, rosak, terbenam atau tumbang.

## 9. Pemilikan kekal

Pemilikan kekal penting untuk kesejahteraan keluarga. Rumah kecil yang dimiliki lebih menenangkan berbanding rumah besar yang disewa. Dengan adanya rumah dengan pemilikan kekal, ahli keluarga tidak perlu berpindah-randah dari satu kediaman ke kediaman yang lain atas desakan tuan rumah. Mereka juga bebas untuk menata rumah tersebut mengikut keperluan keluarga. Sekiranya rumah dibeli melalui pinjaman bank, ahli keluarga akan berasa lebih tenang sekiranya hutang tersebut berjaya dilunaskan sepenuhnya. Dengan itu, ahli keluarga dapat menikmati aliran tunai yang lebih tinggi. Sekiranya ahli keluarga memiliki lebih daripada sebuah rumah dengan pemilikan kekal, sebagiannya boleh disewakan, dikomersilkan, dijadikan rumah kebajikan atau dijual semula untuk keperluan kehidupan keluarga.

## 10. Fasiliti Yang Lengkap

Kediaman sejahtera mempunyai fasiliti yang diperlukan oleh ahli keluarga untuk berfungsi dengan baik. Antara fasiliti tersebut adalah:

1. Kemudahan untuk bekerja dari rumah (wfh)
2. Kemudahan pembelajaran
3. Kemudahan untuk memudahkan tugas domistik
4. Perabut dan peralatan rumah
5. Kemudahan telekomunikasi

## 11. Landskap Hijau

Landskap hijau dalam keluarga berfungsi sebagai makanan, perhiasan, sumber oksigen, penapis udara semulajadi, penebat bunyi, teduhan, tempat berehat dan tempat beriadah. Lanskap hijau dalam konteks ini merujuk kepada tumbuh-tumbuhan yang ditanam di dalam atau di sekitar kawasan rumah. Tumbuh-tumbuhan yang berfungsi sebagai makanan merangkumi sayur-sayuran, herba, rempah-ratus, buah-buahan dan ulam-ulaman. Tumbuh-tumbuhan yang berfungsi sebagai hiasan merangkumi pelbagai tumbuhan yang mengindahkan rumah seperti rumput, bunga-bungaan dan tumbuhan palma. Tumbuh-tumbuhan yang besar dan rendang berfungsi sebagai teduhan, ruang tempat riadah dan berehat.

Terdapat pelbagai spesies tanaman yang sesuai ditanam di rumah walaupun mempunyai kawasan tanah terhad. Kawasan bandar juga sesuai ditanami dengan tumbuh-tumbuhan dengan mewujudkan sudut hijau, kebun makanan (edible garden) dan kebun bandar di kawasan kediaman. Pelbagai teknik penanaman juga boleh diaplikasikan mengikut kesesuaian keluarga dan kediaman seperti hidroponik, earponik dan aquaponik.

Pemilihan landskap hijau juga perlu disesuaikan dengan jenis kediaman. Contohnya, bagi rumah berstrata, tanaman yang sesuai ditanam adalah tanaman renek dan tidak memerlukan ruang yang banyak.

Selain itu, pemilihan spesies pokok yang ditanam juga penting. Contohnya, di dalam syurga, spesies pohon bidara yang terdapat di sana adalah pohon bidara yang tidak berduri. Dalam konteks landskap hijau keluarga semasa, faktor keselamatan perlu dititikberatkan dalam proses pemilihan, penanaman dan pemeliharaan pokok. Pokok-pokok yang berduri dan beracun kurang sesuai ditanam di kawasan berhampiran rumah. Sebaliknya pokok-pokok ini ditanam di kawasan yang tidak dapat dicapai oleh kanak-kanak. Sekiranya terdapat pohon yang berduri atau bercun, kanak-kanak perlu dididik untuk mengetahui bahaya serta risiko yang sedang dihadapi. Dalam pada itu, pohon besar yang ditanam juga perlu sentiasa dipantau, dipangkas dan jika perlu ditebang supaya tidak membahayakan kawasan kediaman.

## 12. Sumber Air Yang Bersih

Sumber air yang bersih diperlukan untuk kegunaan domestik. Air yang tercemar boleh mengakibatkan keracunan dan tidak dapat digunakan untuk membersihkan diri. Di dalam syurga, sungainya bukan sahaja bersih malah lazat dan selamat untuk diminum. Dalam konteks keluarga semasa, bekalan air yang bersih diperlukan sama ada daripada sumber semulajadi seperti air hujan yang ditapis ataupun bekalan air paip yang disalurkan ke setiap rumah. Air yang bersih mudah dicapai oleh keluarga untuk diminum. Suatu masa dahulu, air sungai dan perigi boleh diminum terus tanpa dimasak kerana kebersihannya. Kini, kemudahan penapis air diperlukan untuk membolehkan keluarga menikmati air yang bersih tanpa had.

Kekurangan bekalan air yang bersih akan menjelaskan kesejahteraan keluarga. Oleh itu, krisis

air perlu segera diatasi melalui pelbagai pendekatan yang tidak menjelaskan alam sekitar.

Dalam pada itu, alam sekitar juga perlu dijaga dengan baik agar sumber minuman bersih dapat terus diminum tanpa perlu dimasak seperti di New Zealand.

## 13. Pembantu Rumah yang Cekap dan Amanah

Pembantu rumah adalah keperluan dalam keluarga sejahtera. Bagaimanapun, konsep pembantu rumah dalam keluarga semasa bukan hanya terhad kepada pembantu rumah sepenuh masa. Pembantu rumah masa kini turut merangkumi:

- a. Penyedia *e-hailing*
- b. Penyedia makanan
- c. Perkhidmatan dobi
- d. Perkhidmatan pembersihan rumah pada hujung minggu
- e. Perkhidmatan kesihatan dan kecantikan
- f. Pemotong rumput
- g. Pengasuh

Kediaman sejahtera meningkatkan kualiti hidup keluarga. Ia menjadi pemangkin yang membolehkan keluarga melaksanakan tugas dan tanggungjawab keluarga dan organisasi secara lebih efektif dan efisyen. Sehubungan itu, ia perlu diwujudkan mengikut kadar kemampuan keluarga dengan sokongan komuniti, badan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor korporat.

## DIMENSI KEENAM KEHIDUPAN IDEAL KELUARGA SYURGA: KESELAMATAN DAN JAMINAN MAKANAN

Keselamatan dan jaminan makanan (food safety & food security) di syurga adalah tinggi. Ia terdiri daripada buah-buahan, daging burung dan air minuman (Rajah 6).

Berikut adalah petikan dalam Tafsir Al-Maraghiy:

### 1. Buah-buahan

- a. Buahan-buahan pebagai jenis dan banyak

(Dua syurga) yang ada berjenis-jenis pohon dan buah-buahan.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 48 halaman 6774).



RAJAH 6. Jenis Makanan Syurga

Serta buah-buahan yang banyak. Ada pula di sana buah-buahan yang tidak terputus buat selama-lamanya, dan tidak terlarang untuk mereka, apabila saja mereka menginginkan dan menghendaki. (Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 32 halaman 6797).

- b. Setiap buah mempunyai dua variasi iaitu segar dan kering

Pada kedua syurga itu terdapat dua macam dari tiap-tiap jenis buah-buahan (yang biasa dan yang luar biasa). Dalam kedua-dua syurga itu terdapat buah-buahan yang setiap satunya mengandungi dua jenis, iaitu yang basah dan yang kering. Namun kedua-duanya sama lazat dan enak. Lain halnya buah yang ada di dunia, yang dimasak lebih enak dan lebih lazat dimakan berbanding yang kering.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Ar-Rahman 55, 52 halaman 6775).

- c. Ahli syurga dihidangkan buah yang dipilih sendiri oleh mereka.

Dan juga dibawakan kepada mereka) buah-buahan dari jenis-jenis yang mereka pilih Pelayan-pelayan itu berkeliling dengan membawa pelbagai buah-buahan yang beraneka ragam citarasanya. Mereka boleh memilih di antara yang disukai oleh nafsu mereka.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 20 halaman 6794).

- d. Bekalan yang sentiasa ada dan tidak terputus serta tidak terlarang untuk mendapatkannya

Yang tidak putus-putus dan tidak pula terlarang mendapatnya. Ada pula di sana bermacam-macam buah-buahan yang tidak terputus buat selam-lamanya dan tidak terlarang untuk mereka dan tidak terlarang untuk mereka apabila mereka menginginkan dan menghendaki.

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 33 halaman 6797).

## 2. Daging burung

Penghuni syurga dihidangkan dengan daging burung yang mereka ingini. Serta daging burung dari jenis-jenis yang mereka ingini. ... Juga (pelayan) membawa bermacam-macam daging burung yang lazat dan enak. Mereka boleh mengambil antara yang mereka suka dan senang. (Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 21 halaman 6794).

## 3. Minuman Segar

- a. Penghuni syurga dihidangkan arak dari sungai yang mengalir

Dengan membawa piala-piala minuman dan teko-teko serta piala atau gelas yang berisi arak (yang diambil) dari sungainya yang mengalir

(Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 21 halaman 6793-6794).


- b. Arak tersebut tidak memeningkan dan tidak memabukkan

Mereka tidak berasa pening kepala dan tidak pula mabuk dengan sebab menikmatinya. (Tafsir Al-Maraghiy bagi Al-Quran, Al-Waqiah 56, 19 halaman 6793-6794).

**REFLEKSI DAN PRAKTIKALITI DIMENSI  
KESELAMATAN DAN JAMINAN  
MAKANAN DALAM KONTEKS KELUARGA  
SEMASA**

Keselamatan dan jaminan makanan diperlukan untuk memastikan ahli keluarga mendapat bekalan nutrisi yang diperlukan. Keselamatan dan

jaminan makanan dalam konteks keluarga semasa merangkumi tujuh perkara asas (Rajah 7), iaitu bekalan makanan yang tidak putus, bekalan makanan segar, bekalan makanan yang mudah dicapai, bebas untuk memilih makanan yang digemari, kualiti bekalan makanan yang halal, suci dan bersih, terdiri daripada pelbagai jenis makanan dan bekalan makanan yang sihat dan seimbang.



RAJAH 7. Keselamatan dan Jaminan Makanan

Terdapat dua aspek penting dalam pemakanan keluarga sejahtera, iaitu keselamatan makanan dan jaminan makanan. Pemakanan yang selamat merangkumi pemakanan yang sihat dan seimbang, segar, bersih dan suci. Dalam konteks keluarga semasa, bekalan makanan yang halal, sihat dan berkhasiat mudah diperolehi oleh keluarga. Amalan pemakanan sihat dalam keluarga membolehkan setiap ahli keluarga mencapai perkembangan fizikal yang diperlukan dan mengurangkan risiko malnutrisi atau obesiti.

Jaminan makanan merangkumi bekalan yang tidak putus, banyak, pelbagai jenis, dan boleh dipilih. Di dalam syurga, pelbagai jenis buah-buahan dan minuman yang dipilih oleh penghuni syurga sentiasa dihidangkan untuk mereka. Secara praktikalnya, dalam keluarga semasa makanan dan minuman yang diingini sentiasa boleh dicapai di dalam rumah apabila diperlukan. Contohnya, apabila berasa dahaga, terdapat air putih, mineral,

susu atau jus buah-buahan yang boleh diminum oleh seisi keluarga.

Sehubungan itu, keselamatan dan jaminan dalam konteks keluarga semasa merujuk kepada:

1. Bekalan makanan sentiasa ada untuk ahli keluarga dan tak pernah terputus.
2. Bekalan makanan segar mudah didapati di rumah.
3. Terdapat pelbagai jenis menu dihidangkan kepada ahli keluarga untuk mengelakkan mereka berasa jemu dengan menu yang sama. Ahli keluarga bebas memilih makanan yang disukai oleh mereka.
4. Makanan yang sihat dan seimbang diberikan kepada ahli keluarga. Terdapat sumber protein, karbohidrat, vitamin, serat dan air yang mencukupi.
5. Sumber makanan yang segar dan berkhasiat terdapat di sekeliling rumah seperti pohon buah-

- buah yang berbuah lebat dan buahnya mudah dipetik.
6. Terdapat bekalan makanan segar dan makanan kering yang mencukupi di rumah.
  7. Sekiranya diperlukan, terdapat makanan yang disediakan oleh pembantu rumah atau penyedia makanan yang sihat.
  8. Buah-buahan menjadi snek hidangan keluarga sepanjang masa. Sentiasa terhidang di atas meja atau boleh dipetik di sekeliling rumah.
  9. Kepelbagai sumber protein haiwan untuk seisi keluarga.
  10. Sentiasa terdapat bekalan air minuman yang bersih, lazat dan tidak memabukkan.

## KESIMPULAN

Model Keluarga Sejahtera mengandungi enam elemen teras yang diperlukan untuk membentuk sebuah keluarga yang sejahtera iaitu kebahagiaan, cinta, kualiti peribadi, komunikasi positif, kediaman sejahtera dan keselamatan serta jaminan makan. Model ini ringkas namun signifikan, mudah difahami dan praktikal untuk diamalkan bagi meningkatkan kualiti dan kesejahteraan keluarga semasa.

Kebahagiaan adalah kesejahteraan emosi yang diwarnai dengan rasa gembira, tenang, puas hati, syukur dan redha. Cinta adalah rasa kasih yang tidak berbelah bahagi di dalam keluarga. Kualiti peribadi merangkumi sifat-sifat terpuji, keterampilan diri dan keperibadian ahli keluarga, pembantu rumah dan komuniti yang berinteraksi bersama ahli keluarga tersebut. Komunikasi positif adalah interaksi positif dan harmoni di dalam keluarga. Ia merangkumi pemilihan kata yang baik, kandungan perbicaraan yang baik dan cara atau kedah berkomunikasi yang baik.

Kediaman sejahtera merujuk kepada kediaman yang selamat, mempunyai fasiliti yang lengkap dan selesa. Persekitaran yang bersih turut memacu pemakanan yang sihat. Penjagaan alam sekitar membolehkan keluarga menikmati sumber air yang bersih dan bebas daripada sebarang pencemaran. Pertanian organik di kawasan kediaman membolehkan keluarga menikmati bekalan makanan berkualiti dan tidak putus. Dalam pada itu, pelbagai spesies burung diternak secara bebas untuk mendapatkan bekalan protein yang sihat.

Keselamatan serta jaminan makanan merujuk kepada bekalan makanan dan minuman sihat dan seimbang yang sentiasa mencukupi dan dapat

memenuhi keperluan ahli keluarga. Keselamatan dan jaminan makanan adalah penting untuk kesihatan keluarga. Keluarga yang sejahtera perlu memastikan agar bekalan makanan yang sihat sentiasa cukup dan mudah dicapai oleh ahli keluarga. Dalam hal ini, peranan sektor kerajaan, korporat, NGO dan anggota masyarakat juga dapat membantu keluarga mencapai matlamat ini secara tidak langsung. Contohnya melalui sistem wakaf, penghasilan makanan diusahakan dalam skala yang besar dan dijual pada harga yang rendah untuk memenuhi keperluan keluarga.

Kesemua elemen ini diperlukan dalam kerangka membangun keluarga semasa yang sejahtera di dunia. Ia juga menjadi medium yang berkesan untuk manusia membawa seluruh ahli keluarganya untuk pulang ke tempat asal mereka, iaitu ke syurga abadi dan tinggal menetap di dalamnya untuk selama-lamanya.

Model hanya hanya dibuat berdasarkan refleksi terhadap tafsiran dua surah di dalam Al-Quran sahaja. Sehubungan itu, pemantapan model ini boleh diperkuuhkan lagi oleh penyelidik masa depan dengan mengkaji kesemua ayat Al-Quran dan juga hadith yang berkait dengan kehidupan penghuni syurga dan neraka. Selain itu, praktikali model boleh disesuaikan mengikut kadar pendapatan dan profil unik keluarga. Contohnya, menyediakan kemudahan keluarga dengan bajet yang rendah bagi keluarga yang berpendapatan rendah. Keluarga juga boleh menggunakan pendekatan yang lebih kreatif dan menjimatkan seperti membuat sendiri kerusi menggunakan bahan kitar semula atau pohon buluh yang ditanam sendiri di kawasan rumah.

## PENGHARGAAN

Penghargaan khas kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM atas pengurniaan Geran Kecil Penyelidikan (GKP) FSSK yang bertajuk Pembangunan Model Keluarga Sejahtera berasaskan Surah Al-Waqiah dan Surah Ar-Rahman (KeSAH), para pakar dalam bidang dan para pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Jutaan terima kasih diucapkan.

## RUJUKAN

- Al-Quran  
 Ahmad Mustafa Al-Maraghiy. 2001. *Tafsir Al-Maraghiy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Dahlan, R. & Hamzah, M. I. 2003. Punca pengabaian warga emas di Malaysia. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research* 3(4): 29-36.
- Farmanullah, Khan, S., Shah, B., Ali, S., & Alam, N. 2023. A comparative study of the emergence and development of sects in five major world religions: A historical overview. *Journal of Positive School Psychology* 7(1): 1771-1780.
- Habibie, H. 2022. Konsep kekekalan akhirat: Komparasi eskatologi Islam dan Kristen. *Media SINTHOP, Kajian Pendidikan, Agama, Sosial dan Budaya* 1(1): 18-35. doi: <https://doi.org/10.22373/sinthop.v1i1.2337>
- Mansur, S. & Mat Hussin, M. N. 2023. Perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun di Mahkamah Rendah Syariah Petaling. *Journal of Syariah Law Research* 8 (1): 33-70.
- Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Ahmad, M. K. L., Adam, S. D. S., & Pullong, A. 2023. Hak persaudaraan dan persahabatan menurut perspektif Islam: Satu tinjauan awal. *International Journal of Law, Government and Communication* 8(32): 292-308.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2023. Bayan Linnas Siri ke-139: Al-Quran kalamullah yang mukjizat. <https://muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/2486-bayan-linnas-siri-ke-139-Al-Quran-kalamullah-yang-mukjizat>
- Santoso, B. 2023. *Filsafat Kesadaran Manusia*. Jakarta Selatan: Lembaga Penerbitan Universitas Nasional, LPU-UNAS.
- Saraswati, I. A. G. A., & Paramita, I. G. A. 2016. Konsep syurga, neraka dan moksa dalam kakawin candra bairawa. *Dharmasmrti, Jurnal Ilmu Agama dan Kebudayaan* 15(28).
- Stewart P. 2007. Who is kin? *Journal of Human Behavior in the Social Environment* 15(2/3), 163-181.
- Utami, D. P. 2023. Problem pemenuhan hak dan kewajiban menjadi faktor penyebab perselingkuhan di kalangan suami isteri yang bekerja di luar negeri (Studi di desa waru kidul kecamatan purwodadi kabupaten grobongan). Tesis Sarjana Hukum, Fakultas Syariah, Universiti Islam Negeri (UIN) Raden Mas Said Surakarta.
- Ying Yee, N. & Wan Sulaiman, W. S. 2017. Resilience as a mediator in the relationship between family functioning and depression among adolescents from single parent families. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities (Akademika)* 87(1): 111-122.